



Kemala Indonesia

Peranan Ibu Bapa Terhadap Remaja dalam Keibubapaan Islam

Syah Rizal dan Hamdi bin Ishak

Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
UKM – Bangi Campus, 43600
Selangor Darul Ehsan Malaysia
Email: rhyzal05@gmail.com; hamdi@ukm.edu.my

Abstrak – *Keibubapaan Islam merupakan asas utama dalam meraih zuriat yang salih. Kefahaman ibu bapa tentangnya merupakan tolok ukur terhadap kualiti moral dan akhlak remaja. Pelbagai persoalan moral mewarnai dunia remaja, keadaan ini sudah sangat mengkhawatirkan. Oleh itu, Kertas kerja ini ingin menganalisis konsep keibubapaan menurut Islam serta peranan ibu bapa dalam mendidik anak remaja. Hasil analisis ini memberi kefahaman bahawa konsep keibubapaan dalam Islam adalah konsep pendidikan yang bertumpu pada kesedaran vertikal (hablum minallah) dan menjadikan ketakwaan sebagai landasan hubungan horizontal (hablum minannas) untuk mewujudkan matlamat keibubapaan. Adapun keberhasilan peran ibu bapa dalam mendidik remaja terhasil daripada kesedaran mereka akan konsep keibubapaan Islam yang meliputi seluruh aspek kehidupan.*

Kata kunci: *Keibubapaan Islam, Konsep, Peran dan Remaja.*

Abstract – *Islamic parenting is a fundamental part to achieve the virtuous offspring. The understanding of parents is a measure on quality and moral character of teenagers. Various of moral cases have done in teenagers life, this situation is very worried. Therefore, this paper would like to analyze the concept of parenting in Islam as well as the role of parents in educating teenagers. The results of this analysis provides an understanding that concept in Islam is the concept of education focusing on awareness of the vertical bar (hablum minallah) and make piety as the platform horizontal relations (hablum minannas) to establish the goal of parenting. As for the success of parent role in youth educating from their awareness of Islamic parenting that will cover the whole Islamic aspect of life.*

Key words: *Islamic Parenting, concepts, role playing and teenagers*

I. Pendahuluan

Ibu bapa adalah unsur penting dalam mendidik anggota keluarga, keibubapaan menjadi penentu kualiti akhlak dan moral seorang anak. Keibubapaan dalam hal ini meliputi segala hal yang berhubungan dengan interaksi antara ibu bapa dan anak. Betapa banyak interaksi yang dilakukan oleh ibu bapa mulai dari membangunkan anak daripada tidur hingga anak tidur kembali. Dalam kehidupan keluarga sarat dengan interaksi ini baik lisan maupun bukan lisan. Cara ibu bapa menyampaikan keinginan, menanggapi perasaan anak, menangani perilaku dan lain-lain, tentunya memerlukan strategi agar interaksi terjadi dengan baik.

Sebab itu pentingnya kualiti ibu bapa, hal ini telah ditunjukkan oleh Zeitlin (1990) bahawa meskipun anak tumbuh dalam keluarga miskin, ia boleh berkembang dengan optimum kerana mendapat keibubapaan yang baik daripada ibu bapa terutama ibu. Hal ini menunjukkan bahawa kualiti keibubapaan yang baik akan berpengaruh positif pada perkembangan anak (Zeitlin 1990).

Para ulama juga menyedari pentingnya ibu bapa yang baik dalam keluarga. Imam Al-Ghazali ketika membahaskan tentang peranan Ibu dan bapa dalam keibubapaan mengatakan: "Anak merupakan amanah bagi kedua ibu bapanya. Hatinya yang masih suci merupakan mutiara yang masih bersih tanpa ukiran dan gambar. Dia siap untuk diukur dan cenderung kepada apa saja yang mempengaruhinya. Jika dia dibiasakan dan diajarkan untuk berbuat kebaikan, maka dia akan tumbuh menjadi anak yang baik. Dengan begitu, kedua ibu bapanya akan berbahagia di dunia dan akhirat. Demikian juga guru dan pendidikannya. Sedangkan apabila dia dibiasakan berbuat jahat, dan dibiarkan begitu saja seperti membiarkan haiwan ternak, maka dia akan sengsara dan binasa. Dosanya akan dipukul oleh orang yang bertanggungjawab untuk mengurus dan walinya'(Al-Ghazali, 1980).

Parameter yang mempengaruhi kualiti ibu bapa antaranya ialah pengetahuan ibu bapa tentang keibubapaan dan perkembangan anak. Ibu bapa yang memiliki pengetahuan ini akan mengetahui cara merawat dan memberikan stimulus yang tepat, serta membangun interaksi yang baik dan menciptakan lingkungan yang sesuai bagi perkembangan anak.

Daripada pandangan-pandangan yang diutarakan di atas, dapat dirumuskan bahawa konsep keibubapaan dalam Islam adalah pendidikan anak yang bertumpu pada kesedaran vertikal (hablun minallah) dan menjadikan ketakwaan sebagai landasan hubungan horizontal (hablum minannas) untuk mewujudkan matlamat kehidupani. Hal ini sesuai sesuai dengan firman Allah SWT , "Dan orang-orang yang berkata: "Ya Tuhan Kami, anugerahkan kepada Kami isteri-isteri Kami dan keturunan Kami sebagai penenang hati (Kami), dan Jadikan Kami imam bagi orang-orang yang bertakwa" (Al-Quran, Al-Furqan 26: 74).

Daripada ayat di atas tergambar konsep keluarga dalam Islam, bahawa isteri dan zuriat yang menjadi penenang hati terhasil daripada ketakwaan seorang pemimpin rumah tangga. Untuk meraih itu semua, maka hal kemudian menjadi hak adalah perkahwinan yang menjadi asas utama memperoleh pasangan yang salih. Jika demikian, maka matlamat untuk mendapatkan zuriat yang salih dalam ayat di atas adalah sebuah kenescayaan dan bukan satu kemustahilan kerana hakikat anak menurut Islam adalah fitrah sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah dalam sabdanya "Tiada seorang bayi pun dilahirkan, kecuali dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanya yang akan menjadikan ia Yahudi, Nasrani atau Majusi" (Riwayat al-Bukhari).

II. Keibubapaan dalam Islam

Sebelum kertas kerja ini membincangkan analisis konsep ibu bapa dalam mendidik remaja, terlebih dahulu perbincangan akan berfokus kepada apakah keibubapaan Islam? berdasarkan firman Allah dalam ayat "*Hai orang-orang yang beriman, peliharalah diri mu dan keluarga mu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhaka Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.*" (At-Tahrim 66: 6).

Berdasarkan ayat di atas bahawa Islam mempunyai konsep sendiri tentang keibubapaan. Ia tidak hanya membincangkan perkara kecil semata tetapi justeru mengajarkan perkara asas iaitu satu amaran kepada menjaga keluarga daripada api neraka. Perkara ini menunjukkan bahawa segala bentuk amalan buruk yang tidak sesuai dengan tuntutan Allah dan Rasulnya adalah dosa dan hal itu boleh menjerumuskan ahli keluarga kepada neraka. Maka jelaslah bahawa keibubapaan dalam Islam mendorong ahli keluarga kepada amalan salih yang berdasarkan amal makruf dan nahi mungkar seperti yang ditunjukkan oleh Allah dan Rasulnya.

Konsep keibubapaan dalam Islam menjadi sangat jelas bahawa ia bukanlah satu tema yang terpisah-pisah dari siri kehidupan manusia, tetapi ia justeru merupakan kesedaran seorang dalam memahami pelbagai maksud yang sentiasa hadir dalam berbagai-bagi peran dengan begitu matlamat konsep keibubapaan jauh lebih mudah difahami. Maka konsep keibubapaan Islam tersebut lahir daripada kesedaran akan tema-tema berikut seperti *tujuan kehidupan, syariat perkahwinan, Ibu dalam Islam dan Bapa dalam Islam*.

2. 1. Manusia dan Tujuan Penciptaannya

Menurut Islam bahawa dunia ini diciptakan Oleh Allah SWT dan manusia adalah ciptaan yang sangat mulia daripada segala makhluk hidup lainnya. Sebagaimana firman Allah SWT: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)* (At-Tin : 4).

Islam mengatur bukan sahaja hubungan antara Allah (*Khalik*) dan ciptaan Nya, tetapi juga tanggungjawab seorang Muslim dalam masyarakat, termasuk perkahwinan dan hubungan ibu bapa-anak. Ianya adalah suatu agama yang berasaskan cinta: cinta kepada Allah, cinta untuk Nya, dan cinta kerana Nya. Dalam erti kata lain, umat Islam harus cinta kepada Allah SWT dan cinta seluruh ciptaan Nya semata-mata kerana Allah SWT. Dalam Islam, matlamat utama dalam hidup ini adalah mencintai Allah dan untuk meraih kasih sayang Nya dengan berbuat baik kepada sesama manusia dan seluruh ciptaan Nya. Al-Quran telah menitikberatkan pada rasa kasih sayang, saling memaafkan, pengorbanan, rasa hormat dan tanggungjawab bagi memenuhi matlamat ini.

2. 2. Erti dan Syariat Pernikahan

Menurut Islam, manusia diciptakan berpasang-pasangan dan syariat perkahwinan adalah wajib ke atas setiap Muslim, lelaki maupun wanita yang telah mampu dari segi fizikal dan kewangan. Ada pelbagai peranan penting dalam perkahwinan. Pertama peran perkahwinan dalam Islam salah satunya adalah pemberian. Menurut (Rozumah

Baharudin, 2002) perkahwinan merupakan cara untuk memelihara keturunan dan menjamin berkembang serta berkekalan zuriat umat manusia yang beriman mengikut landasan yang betul. Pada dasarnya pengekalan kehidupan manusia dan kebudayaan serta penerusan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini bergantung kepada berkesannya jentera yang menjamin pembiakan manusia agar tidak pupus (Al-Zuhaili, 1989). *Peranan kedua* adalah Memenuhi dan menyempurnakan tuntutan hawa-nafsu mengikut jalan yang direndai Allah SWT serta menyelamatkan manusia daripada kejahanan nafsu syahwat (Al-Bardisi, 1975) dan memelihara manusia dari perkara yang haram (Al-Zuhaili, 1989). *Peranan ketiga* perkahwinan adalah Mewujudkan satu ikatan kekeluargaan yang kukuh, mantap dan berkekalan berdasarkan kasih sayang dan kerahmatan Allah SWT (Jalil, 1982). *Peranan perkahwinan keempat* adalah Mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan dan tanggungjawab serta metode berinteraksi di dalam keluarga dan masyarakat, melalui kerjasama yang menguatkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat (Fadhilah Sarnap, 2001). Peranan kelima adalah Mendirikan keluarga, mengukuhkan dan memperluaskan ikatan kekeluargaan serta mengukuhkan hubungan di kalangan anggota masyarakat ('Ali, 1938).

2. 3. Ibu dalam Islam

Ibu memiliki peranan penting di dalam struktur masyarakat Islam sebab mereka membesarakan anak sehingga anak-anak boleh mengisi posisi masyarakat kelak. Selain itu Ibu diberikan status istimewa baik di rumah maupun di luar (Schlifer, 1986). Ibu dalam Islam adalah pelaku utama dalam mendidik anak-anak. Oleh itu, makna Ibu dalam Islam merujuk kepada tanggung jawab penuh seorang wanita dalam mendidik anak-anak menjadi Muslim yang beriman penuh cinta dan kasih sayang yang ditinggikan oleh kealiman mereka (Saktanber, 2002).

Jadi, Rumah dan keluarga merupakan asas daripada masyarakat Islam sedangkan ibu menjadi pelakon yang paling penting dalam mewujudkan asas ini (Saktanber, 2002). Menurut ia juga wanita di dalam Islam merupakan sumber dalam melahirkan generasi yang berkualiti berpuncak kepada kasih sayang ibu yang sesuai dengan matlamat Islam. Ibu juga mempunyai fungsi yang sangat penting di dalam Islam seperti menyiapkan anak-anak untuk menghadapi masa hadapan.

2. 4. Bapa dalam Islam

Di dalam Al-Quran banyak dijumpai ayat-ayat yang bercerita tentang peran bapa dalam mendidik anak-anaknya dan hampir keseluruhan dialog di dalam Al-Quran bercerita tentang hubungan bapa dan anak. Dialog tersebut Allah abadikan dalam Al-Quran seperti dalam surah Luqman 31:13, Al-Baqarah 2:132 dan Yusuf : 67.

Proses pendidikan (dalam keluarga) yang digambarkan melalui al-Quran dilakukan oleh para bapa. Dalam sebuah hadis, Rasulullah Muhammad SAW pernah bersabda “Seorang ayah yang mendidik anak-anaknya adalah lebih baik daripada bersedekah sebesar 1 sa’ di jalan Allah”. (HR. At-Tirmizi).

Keterlibatan bapa dalam pendidikan anak memenuhi gambaran sejarah Islam. Dalam buku ‘*Al-Muhaddithat; The Women Scholars In Islam*’, Mohammad Akram Nadwi memberikan banyak contoh bagaimana para ulama kita menyediakan waktu untuk pendidikan para puterinya sebagaimana mereka meluangkan waktu untuk tugas-tugas lainnya (Nadwi, 2007).

Begitu intensifnya peran bapa dalam pendidikan anak-anaknya, hingga tatkala menjelang sekarat pun, seorang ayah yang baik memastikan sejauh mana keberhasilannya dalam mendidik anak-anaknya seperti yang dicontohkan oleh Nabi Ya’kub sebagaimana terdapat dalam ayat “Adakah kamu hadir ketika Yakub kedatangan (tanda-tanda) maut, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apa yang kamu sembah sepeninggaluku?" Mereka menjawab: "Kami akan menyembah Tuhanmu dan Tuhan nenek moyangmu, Ibrahim, Ismail dan Ishak, (yaitu) Tuhan Yang Maha Esa dan kami hanya tunduk patuh kepada-Nya." (Al-Baqarah 2:133).

III. Peranan Ibu Bapa Dalam Mendidik Remaja

3. 1. Remaja Menurut Islam

Definisi remaja dalam Islam sangat berbeza dengan yang didefinisikan oleh Barat. Barat mendefinisikan remaja ‘Teenagers’ atau dalam bahasa Arabnya ‘*al-murahaqah*’ yang bermakna kedunguan dan kebodohan, kejahanan dan kezaliman serta gemar melakukan kesalahan. Namun istilah remaja dalam Islam merujuk kepada istilah yang jelas dipakai oleh Nabi iaitu ‘syabab’ yang ertiannya Pemuda. Kata ini dalam Bahasa Arab mempunyai akar makna: Kekuatan, baru, indah, tumbuh, awal segala sesuatu.

Ini merupakan alasan mengapa Rasulullah SAW tidak pernah menyebutkan fasa ini. Beliau mempunyai istilah sendiri: syabab, kata yang penuh dengan makna optimisme, positif dan penuh harapan. Dalam perkara ini pula Ibnu Kasir juga mendefinisikan tentang pemuda ketika ia mentafsirkan kata “*fityah*” dalam cerita Ashabul Kahfi di dalam Al-Quran seperti “Allah SWT menyebutkan bahawa mereka adalah pemuda. Kerana mereka (para pemuda) lebih mudah menerima kebenaran, lebih mudah mendapatkan petunjuk jalan (yang lurus) dibandingkan ibu bapa yang derhaka dan tenggelam dalam agama kebatilan. Untuk itulah kebanyakannya yang menyambut (seruan) Allah dan Rasul Nya shallallahu alaihi wasallam adalah pemuda. Adapun orang-orang tua dari Quraisy, kebanyakannya mereka tetap bertahan dalam agama mereka dan tidak masuk Islam kecuali sedikit saja. Begitulah Allah ta’ala mengabarkan tentang ashabul kahfi bahawa mereka adalah pemuda.”(Ibn Kasir 2006).

Inilah yang dimaksudkan dengan remaja dalam Islam, dan ini pula cara para ulama terdahulu membicarakan usia muda dengan bahasa yang positif dan penuh dengan rasa optimis. Sebagai alat menguatkan hujah ini, ada lima pemuda hebat pada zaman Rasulullah SAW yang pertama kali masuk Islam serta dijamin masuk syurga dalam sebuah hadis mereka ialah Ali bin Abi Thalib (10 Tahun), Thalhah bin Ubaidillah (14 tahun), Said bin Zaid (15 tahun), Zubair bin Awwam (16 tahun) dan Saad bin Abi Waqqash (17 tahun).

3. 2. Para Remaja dalam Al-Quran

Dalam Al-Quran sangat banyak cerita tentang kisah-kisah remaja dan perkara ini membenarkan bahawa usia remaja merupakan usia emas yang melahirkan banyak karya dan beban tanggung jawab. Berikut kisah-kisah para pemuda dan pemudi yang Allah abadikan dalam Al-Quran seperti kisah pemuda bernama Ibrahim (Al-Anbiya' 21: 59-69), para pemuda Ashabul Kahfi (Al-Kahfi 18: 13-14), pemudi dengan tugas penting; Saudari Musa (Thaha 20: 39-40) dan dua pemudi (Puteri Nabi Syu'ib menurut sebahagian Ahli Tafsir) (Al-Qasas 28: 23-26).

3. 3. Peranan Ibu Bapa Terhadap Remaja

Peranan ibu bapa sangat penting dalam mendidik dan mengawal perkembangan remaja, diakui bahawa fasa ini merupakan fasa berpuncanya dorongan seksual seperti menurut Syaikh Muhammad Quthub yang diungkapkan oleh Budi Ashari dalam bukunya '*Remaja antara Hijaz dan Amerika; Panduan Penyiapan Usia Baligh*' bahawa Muhammad Quthub dalam satu syarahannya menyebutkan "Usia ini adalah fasa sedang berpunca dorongan seksual, berpunca pula aliran ruhiyah yang sangat mengagumkan, transparensi, jernih dan bercahaya" (Budi Ashari, 2012). Meski begitu, pelbagai pandangan pula dialamatkan kepada remaja bahawa dorongan seksual mereka merupakan punca dari pelbagai kerosakan moral hari ini.

Islam memiliki pandangan berbeza tentang seksual pada remaja, Dalam Islam perkara seksual ini justeru merupakan ibadah jika ia disalurkan pada jalur yang halal seperti dengan perkahwinan atau puasa bagi yang belum mampu menikah.

Menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya '*Asy-Syabab al-Muslim fi Muwajihat at-Tahaddiyat*' bahawa ada terdapat enam peranan penting tentang keibubapaan yang diajarkan Rasulullah SAW dalam mempersiapkan dan membina generasi remaja (Ulwan, 2006) iaitu *Pertama*, Mempersiapkan pemuda untuk iltizam (konsisten) dalam ketataan kepada Allah SWT beribadah kepada Nya dan menjauhi segala hal yang dilarangNya. *Kedua*, Menyeru pemuda supaya mengambil dan memanfaatkan setiap peluang dan kesempatan yang ada guna membentuk peribadi pemuda menjadi baik dan kuat dari aspek rohani, jasmani, mental, akal dan akhlak. *Ketiga*, Memelihara jiwa pemuda dari penyelewengan dan penyimpangan, serta menjaga kesuciannya dengan menganjurkan para pemuda untuk segera menikah jika sudah memiliki kemampuan, sebagaimana telah disyariatkan Allah SWT kepada hamba-Nya. *Keempat*, Membina para pemuda untuk senantiasa mengintrospeksi diri (muhasabah) dan memperbaiki amalnya, kerana amal-amalnya akan dimintai pertanggungjawaban di hadapan Allah SWT di akhirat kelak. *Kelima*, Membina para pemuda untuk senantiasa istiqamah di atas minhaj Islam, menjauahkan mereka dari hal-hal yang sia-sia dan mendorong pemuda untuk terus berusaha agar selalu berada dalam ketakwaan kepada Allah Taala.

Inilah asas-asas terpenting dalam pembinaan peribadi remaja. Tidak diragukan lagi bahawa tujuan dari pembinaan dan persiapan ini adalah agar pemuda terbentuk sebagai peribadi yang sempurna, baik dari aspek rohani, akhlak, mental, jasmani dan jiwa. Serta seluruh aspek yang menyempurnakan keperibadian mereka.

Dengan pembentukan moral dan akhlak para pemuda akan lebih mampu untuk menghadapi berbagai bagai tantangan, lebih kuat untuk melaksanakan tanggung jawab dan lebih kuat dalam berpegang teguh dengan dasar-dasar Islam. Sehingga mereka tidak akan menyeleweng, merasa lemah, terhembus angin fitnah, menyerah kalah kepada tipu daya kerosakan, berputus asa dan lemah semangat, begitu juga mereka tidak akan tergelincir ke dalam lubang keruntuhan dan penyelewengan.

IV. Kesimpulan

Pada asasnya, Keibubapaan dalam Islam adalah satu teras yang amat penting dalam melahirkan generasi yang salih. Ianya bukan hanya membincangkan perkara membesarkan anak secara fizikal semata tetapi ia juga merupakan cara dalam membentuk karakter jiwa dan menjaga fitrah. Matlamat keibubapaan ini akan lestari dan melahirkan generasi yang gemilang jika didasari oleh kesedaran-kesedaran akan maksud dan perintah Allah dan Rasulnya. Keibubapaan Islam membincangkan perkara asas seperti matlamat kehidupan, perkahwinan dan tanggung jawab dalam keluarga. Unsur-unsur ini saling berhubung kait, jika matlamat dan faedah daripada unsur ini tidak difahami dan dijalani maka satu kemustahilan untuk meraih keibubapaan yang melahirkan generasi yang salih.

Rujukan

- [1] *Al-Qur'an*.
- [2] Al-Bukhari, 2002. *Shahih Bukhari*. Cet. 1. Beirut: Dar Ibnu Katsir.
- [3] Ali, M. M. (1938). *The Religion Of Islam*. Lahore.
- [4] Al-Bardisi, M. Z. (1975). *Al-Ahkam al-Islamiyyah Fi al-Ahwal al-Shakhsiyah*. Kaherah.

- [5] Al-Ghazali, I. (1980). *Ihya' Ulumuddin*. Jakarta : Menara Kudus.
- [6] Al-Zuhaili, D. W. (1989). *Al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Dar al-Fikr: Damsik.
- [7] Budi Ashari. (2012). *Remaja antara Hijaz dan Amerika; Panduan Penyiapan Usia Baligh*. Parenting Nabawiyah.
- [8] Fadhilah Sarnap. (2001). *Pembinaan Sistem Kekeluargaan Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- [9] Ibnu Kasir. (2006). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- [10] Jalil, H. M. H. A. (1982). *The Islamic Concept of Marriage*. Islamika II. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- [11] Nadwi, M. A. (2007). *al-Muhaddithat; The Women Scholars In Islam*. London: Interface Publications.
- [12] Rozumah Baharudin, R. J. (2002). *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- [13] Saktanber, A. (2002). *Living Islam; Women, Religion and the Politicization of Culture in Turkey*. London, NY: I.B. Tauris Publishers.
- [14] Schlifer, A. (1986). *Motherhood in Islam*. UK: The Islamic Academy Cambridge.
- [15] Ulwan, A. N. (2006). *Asy-Syabab al-Muslim fi Muwajihat at-Tahaddiyaat*. Mesir: Daaru al-Salam.